

MEMBACA SEKADAR HOBI ATAU KEPERLUAN?

Oleh: Khairunnisa binti Kharidzan, 1171172,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 3 Ogos 2020



Membaca jambatan ilmu. Slogan yang tidak asing dengan rakyat Malaysia ini sentiasa mengingatkan kita bahawa membaca adalah salah satu amalan paling penting yang menghubungkan seseorang individu dengan ilmu yang terbentang seluas lautan.

Bagi sesetengah anggota masyarakat yang banyak menghabiskan masa lapang mereka dengan membaca, mereka menjadikan membaca sebagai hobi. Namun, timbul persoalan sama ada membaca itu sekadar hobi atau satu keperluan?

Dari satu sudut, tanggapan membaca sebagai satu hobi seolah-olah meremehkan aktiviti membaca sebagai hanya aktiviti sampingan.

Membaca tidak dianggap sebagai satu keperluan yang wajib dilakukan oleh seseorang individu dalam kehidupan sehariannya.

Jika kita mengkaji ayat al-Quran pertama diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW dalam surah al-Alaq, ayat 1 iaitu:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah menyeru kita membaca untuk mencari ilmu pengetahuan dalam pelbagai aspek, sama ada ilmu berunsur duniawi atau ukhrawi.

Namun, kita juga perlu mengetahui bahawa setiap manusia mempunyai hobi yang berbeza. Bagi si ulat buku yang sangat obses membaca, ia adalah satu hobi yang mesti dilakukan setiap hari.

Mereka akan sentiasa mencari ruang dan masa untuk melakukan hobi tersebut dan pada masa yang sama dapat melaksanakan perintah Allah SWT dengan mencari ilmu pengetahuan.

Maka, kita boleh mengetahui kesinambungan yang dilakukan oleh mereka dengan menjadikan keperluan membaca itu sebagai suatu hobi.



Sama ada kita sedar atau tidak, melalui pembacaan, seseorang itu diibaratkan seperti sedang mengembara ke segenap pelosok muka bumi melalui tulisan yang disampaikan oleh penulis.

Teori yang ditulis dalam sesebuah karya ini mampu mencetuskan imaginasi dalam minda pembaca tentang sesuatu perkara, seterusnya mengolah ilmu tersebut untuk disampaikan kepada orang lain.

Sehubungan itu, tidak hairanlah jika kita melihat mereka yang khusyuk membaca seperti khayal dan tenggelam dalam dunia mereka sendiri.



Melalui pembacaan yang betul dan berkesan, seseorang itu dapat meningkatkan taraf diri mereka menjadi manusia yang berilmu.

Melalui golongan yang berilmu inilah bakal wujud tamadun yang hebat. Oleh itu, jadikanlah amalan membaca sebagai salah satu hobi yang bermanfaat untuk mengisi masa lapang.

Pada masa yang sama, mereka yang rajin membaca boleh menyalurkan ilmu yang ditimba untuk memajukan masyarakat dan negara.